



LAPORAN LIPUTAN MEDIA KHAMIS / 10 JANUARI 2018

- 1. PENCAHAYAAN LED BANTU PROSES
FOTOSINTESIS LEBIH CEPAT
- KOSMO**

- 2. BINA KILANG PADI RM5 JUTA
- HARIAN METRO**

- 3. NELAYAN TOLAK PAMPASAN PROJEK TAMBAK
LAUT
- UTUSAN MALAYSIA**

OLEH :

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 10 JANUARI 2018 (KHAMIS)

PERKARA : PERTANIAN

Pencahayaan LED bantu proses fotosintesis lebih cepat

PARA saintis kini melakukan kajian yang lebih mendalam bagi membiakkan tanaman ruji, sekali gus menuai hasil lebih banyak dan bertahan lama akibat perubahan iklim.

Matlamat mereka adalah untuk memberi sumber makanan yang mencukupi kepada penduduk dunia yang semakin meningkat.

Satu sistem baharu yang dipanggil kelajuan pembiakan telah membolehkan para saintis menanam enam jenis tanaman setahun.

Tanaman itu telah dibangunkan di rumah kaca untuk mempercepatkan proses pembesarannya.

Menggunakan diod pancaran cahaya (LED), ia membantu mempercepatkan



RAMAI saintis kini melakukan kajian bagi meningkatkan hasil tanaman pertanian. – Gambar hiasan

proses fotosintesis dan membolehkan tumbuhan berkembang selama 22 jam sehari.

Bentuk pencahayaan baharu ini lebih murah dan cekap daripada lampu nat natrium lama

yang menghasilkan terlalu banyak haba dan tidak cukup cahaya.

Antara tanaman yang boleh berkembang hingga enam kali setahun ialah gandum, barli, kacang dan kacang kiwi.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JANUARI 2018 (KHAMIS)

PERKARA : PERTANIAN

Bagan Serai

Bina kilang padi RM5 juta

Kilang padi bernilai RM5 juta akan dibina di Kerian tidak lama lagi selepas permohonan dikemukakan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) diluluskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Pongsu Datuk Sham Mat Sahat berkata, daerah Kerian terpilih menjadi lokasi pembinaan kilang itu berikutan ia kawasan jelang padi terbesar di Perak.

Menurutnya, pihaknya dalam proses menentukan lokasi sesuai dalam memilih lokasi strategik bagi pembinaan

kilang itu.

“Permohonan dibuat PPN sebenarnya sudah lama diusulkan, namun baru diluluskan kementerian dengan bajet RM5 juta.

“Buat masa ini, pemilihan lokasi dalam perbincangan, manakala proses pembinaannya dijangka lewat bagi memberi laluan kepada pembinaan kilang sama di Terengganu yang kini dalam pembinaan,” katanya selepas merasmikan Program *Touch Point* Kerajaan Negeri Perak anjuran Jabatan Pertanian Negeri Perak di Pejabat Pertanian Bagan Serai semalam.



SHAM (tiga dari kiri) menyerahkan bantuan produk peningkatan hasil padi kepada penerima.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 10 JANUARI 2018 (KHAMIS)

PERKARA : PERIKANAN



PERSEKITARAN kawasan Permatang Damar Laut yang menjadi sumber pendapatan nelayan bakal lenyap ekoran kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan projek tambakan laut di Pulau Pinang. - BERNAMA

Nelayan tolak pampasan projek tambak laut

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 9 JAN.

GOLONGAN nelayan di negeri ini akan menolak projek tambak laut di Permatang Damar Laut di sini walau setinggi mana sekalipun bayaran pampasan dijanjikan Kerajaan DAP Pulau Pinang.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, Arshad Omar (**gambar**) berkata, pendirian nelayan tidak pernah berubah yang mana projek tebus guna laut seluas 1,800 hektar itu akan menutup periuk nasi dan punca rezeki mereka buat selama-lamanya.

Dalam masa sama, beliau melahirkan rasa lega dengan ketegasan dan jaminan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang akan

menggunakan segala ruang kuasa kementerianya bagi menolak projek berkenaan.

"Kami golongan nelayan tidak lagi dapat tidurlena sebaik sahaja Kerajaan DAP Pulau Pinang menyatakan hasrat menambak laut kawasan ini.

"Sejarah sudah membuktikan bagaimana nelayan misalnya di Tanjung Tokong kini hampir lenyap akibat projek tambak laut di situ dan pampasan RM15,000 yang diberikan langsung tidak membawa perubahan lebih baik kepada kehidupan mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Arshad turut menyifatkan alasan Kerajaan DAP Pulau Pinang menambak laut tersebut bagi mencari dana untuk projek Pelan Induk Pengangkutan (PIP) negeri sebagai tidak logik.

Katanya, kawasan laut yang disifatkan lubuk kepada nelayan



kerana kaya dengan ikan dan udang itu tidak wajar diperdagangkan semata-mata untuk memenuhi keperluan pemaju swasta.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang, Mahadi Md.

Rodzi turut mempersoal sikap kerajaan DAP Pulau Pinang yang kononnya prihatin dengan nasib nelayan yang bakal terjejas akibat projek tambakan laut tersebut.

Katanya, Kerajaan DAP Pulau Pinang sehingga kini tidak pernah berjumpa kumpulan nelayan untuk mendengar keluhan dan suara mereka apatah lagi untuk berbincang tentang pampasan.

"Malah, kita juga sudah banyak kali menghantar surat untuk berjumpa Ketua Menteri, Lim Guan Eng namun tidak pernah dilayan," katanya.

